Re Tan Ta; ex p Terus Maju Industrial Hardware Sdn Bhd

HIGH COURT (KUALA LUMPUR) — BANKRUTPCY NO D8–9–808 OF 1995
KANG HWEE GEE J
21 JUNE 2007

Bankruptcy — Extension of time to annul the order of discharge — Whether necessary to apply for extension of time

Bankruptcy — Application to set aside order of discharge by judgment debtor — Discharge — Petition for discharge not served on judgment debtor — Order for discharge granted ex parte — Whether in breach of s 33(9) of the Bankruptcy Act 1967

A petition for a discharge from bankruptcy was made by the judgment debtor and heard ex parte. There were only two creditors, one of which was the judgment creditor, and in making the order of discharge, the Senior Assistant Registrar relied on two clearance letters from these two creditors verifying that all the debts owed to them had been settled. The judgment creditor had not been served with the petition for the discharge. The judgment creditor also claimed that there was fraud in relation to the clearance letter and the debt was never paid.

The judgment creditor applied for an extension of time to annul the order of discharge of the judgment debtor as a bankrupt granted earlier, and for an order to set aside the same order of discharge, which were dismissed by the Senior Assistant Registrar. The judgment creditor appealed against this decision.

Held, allowing the appeal:

(1) No time limit is set for the judgment creditor to apply to set aside the order of the bankruptcy before the Senior Assistant Registrar. As such there is no requirement for the judgment creditor to make the application for an extension of time (see para 9).

(2) It is clear that in granting the order for discharge the Senior Assistant Registrar had contravened a cardinal principle of natural justice-audi alteram partem (see para 10).

(3) The petitioner in making the petition for discharge before the Senior Assistant Registrar had failed to comply with the requirement of s 33(9) of the Bankruptcy Act 1967 as the judgment creditor had not been served with the petition and neither was it informed of the subsequent order of discharge obtained therefrom. The application for discharge has also not been 'published as prescribed' under s 33(9) of the Act (see para 13).

(4) A failure on the part of the Senior Assistant Registrar to comply with this provision constitutes a jurisdictional error which necessitates the order made by her to be set aside ex debito justitiae (see para 14).

(5) The fact that the judgment creditor had made this application after more than seven years should not be a factor for this court to consider to set aside the order of discharge as it is clear that the judgment creditor only became aware of the order sometime in early 2005 when the guarantor of the petitioner who had been made a bankrupt on the same debt made a similar application to be discharged from being a bankrupt. Further the grant of the discharge was plainly irregular and must be set aside ex debito justitiae (see para 15).

[Bahasa Malaysia summary

Petisyen untuk melepaskan daripada kebankrapan telah dibuat oleh penghutang penghakiman dan didengar secara ex parte. Terdapat hanya dua pemiutang, dan salah seorang daripadanya adalah pemiutang penghakiman, dalam membuat perintah perlepasan, Penolong Kanan Pendaftar bergantung kepada dua pucuk surat perlepasan daripada kedua-duanya yang mengesahkan bahawa hutang tertunggak kepada mereka telahpun diselesaikan. Pemiutang penghakiman tidak diserahkan dengan petisyen untuk melepaskan. Pemiutang penghakiman juga mendakwa bahawa terdapat penipuan kepada surat perlepasan dan hutang tidak pernah dibayar. Pemiutang penghakiman memohon untuk lanjutan masa bagi membatalkan perintah perlepasan pemiutang penghakiman daripada kebankrapan yang diberikan sebelumnya, dan satu perintah untuk mengenepikan perintah yang sama untuk perlepasan, yang telah ditolak oleh Penolong Kanan Pendaftar. Pemiutang penghakiman merayu terhadap keputusan ini.

Diputuskan, membenarkan rayuan:

(1) Tiada had masa ditetapkan untuk pemiutang penghakiman memohon mengenepikan perintah kebankrapan di hadapan Penolong Kanan Pendaftar. Oleh itu, tiada keperluan untuk pemiutang penghakiman membuat permohonan untuk perlanjutan masa.

(2) Ia adalah jelas semasa memberikan perintah perlepasan Penolong Kanan Pendaftar telah menyangkal prinsip utama keadilan asasi-audi alteram partem.

(3) Pempetisyen dalam membuat petisyen perlepasan di hadapan Penolong Kanan Pendaftar telah gagal untuk mematuhi keperluan s 33(9) Akta Kebankrapan 1967 kerana pemiutang penghakiman tidak diserahkan dengan petisyen dan tidak dimaklumkan berkenaan perintah perlepasan yang diperolehi sebelumnya. Permohonan perlepasan tidak juga 'diterbitkan dan ditentukan' dibawah s 33 (9) Akta.

(4) Kegagalan di pihak Penolong Kanan Pendaftar untuk mematuhi peruntukkan ini menyebabkan kesalahan bidangkuasa yang menyebabkan perintah dibuat olehnya akan hanya diketepikan ex debito justitiae.

(5) Fakta bahawa pemiutang penghakiman membuat permohonan melebihi tujuh tahun tidak menjadi faktor bagi mahkamah ini bagi mempertimbangkan perintah perlepasan kerana ia adalah jelas bahawa pemiutang penghakiman hanya menyedari perintah tersebut sekitar awal tahun 2005 bila penjamin kepada pempetisyen yang telah menyebabkannya bankrap untuk hutang yang sama membuat permohonan serupa untuk melepaskan daripada bankrap. Selanjutnya, pemberian perlepasan adalah diluar aturan dan hendaklah diketepikan ex debito justitiae.]

Notes

For cases on bankruptcy, see 1 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2005 Reissue) paras 2403–2425.

Cases referred to

Arab Malaysian Finance Berhad v Badiaddin Bin Mohd Mahidin & Anor [1996] 3 MLJ 621 (refd)
Chong Keat Realty Sdn Bhd v Ban Hin Lee Bank Bhd [2003] 3 MLJ 321 (refd)
DBS Vickers (Hong Kong) Ltd v Wan Muhammad Hasni bin Wan Sulaiman (refd) [2005] 3 MLJ 59 (refd)
Development & Commercial Bank Bhd v Muniandy & Anor (unreported, 16 April 1994; High Court, Pulau Pinang, Originating Summons No 24–165–91) [1075] MD 2 (refd)
Ganam d/o Rajamany v Somoo s/o Sinnah [1984] 2 MLJ 290 (refd)
Hock Hua Bank Bhd v Sahari Bin Murid [1981] 1 MLJ 143 (refd)
Lee Phet Boon v Hock Thai Finance Corp Bhd [1994] 2 MLJ 448 (refd)
Ng Kee Lin v Ooi Teong Ngee & Other actions [1998] MLJU 127 (refd)
Ng Yik Seng & Anor v Perwira Habib Bank Malaysia [1980] 2 MLJ 83 (refd)
Nik Mohd Yusof v Majlis Daerah Hulu Selangor [2005] 4 MLJ 338 (refd)
Tay Tho Bok & Anor v Segar Oil Palm Estate Sdn Bhd [1996] 3 MLJ 181 (refd)

Legislation referred to

Bankruptcy Act 1967 ss 33(8), 33(9), 35(1), 35(4)
Specific Relief Act 1950 s 41

Noor Hazury (Ng & Ong) for the penghakiman.
KC Yae (Yae Lau & Partners) for the penghutang penghakiman.

Kang Hwee Gee J:

[1] This is an appeal from the decision of the Senior Assistant Registrar in dismissing the judgment creditor's application for:

(a) extension of time to make an application to annul the order of discharge of the judgment debtor as a bankrupt granted earlier by the same registrar;

(b) an order that the decision of the registrar granting the bankrupt a discharge from bankruptcy to be set aside.

[2] The petition for discharge from bankruptcy was made by the bankrupt (judgment debtor) on 13 March 1998. The petition was heard ex-parte without the attendance of any other parties.

[3] There were only two creditors; Terus Maju Industrial Hardware Sdn Bhd (the present appellant) to whom a sum of RM46,636 was owed and Syarikat Kilang Batu Bata Chip Siah Sdn Berhad to whom a sum of RM22,300 was also owed.

[4] The Senior Assistant Registrar in making the order of discharge on 13 March 1998 had apparently relied on two clearance letters from the only two creditors verifying the fact that all the debts owed to them had been paid. The two letters read as follows:

(1) Letter from Terus Maju Industrial Hardware Sdn Bhd dated 22 July 1997:

> 22hb Julai 1997
>
> PEJABAT PEMEGANG HARTA TINGKAT 19, WISMA KWONG HING NO.1 LEBOH AMPANG 50516 KUALA LUMPUR.
>
> Tuan,
>
> PER: DALAM PERKARA KEBANKRAPAN NO. D3–129–808–1995 (PPH-WP 579/96/E ENCIK TAN TA NO. K/P 4066768
>
> Merujuk kepada perkara yang tersebut di atas, kami dengan sukacitanya mengesahkan bahawa Encik Tan Ta telah membayar penuh hutangnya kepada kami.
>
> Dengan itu kami bersetuju untuk membebaskan kes bankrap Encik Tan Ta.
>
> Sekian, terima kasih. Yang benar
>
> TERUS MAJU INDUSTRIAL HARDWARE SDN BHD
>
> Sgd
>
> CHING NGEW HOE PENGARAH.

(2) Letter from Syarikat Kilang Batubata Chip Siah Sdn Bhd dated 23 December 1997:

> Date: 23 Disember 1997
>
> Pejabat Pemegang Harta Tingkat 19, Wisma Kwong Hing No.1 Leboh Ampang 50516 Kuala Lumpur.
>
> Tuan,
>
> PER: Dalam Perkara Kebankrapan No. D3–129–808–1995 (PPH-WP 579/96/E Encik Tan Ta No. K/P 4066768)
>
> Merujuk kepada perkara yang tersebut di atas, kami dengan sukacitanya mengesahkan bahawa Encik Tan Ta telah membayar penuh hutangnya kepada kami. Dengan itu kami bersetuju untuk membebaskan kes bankrap Encik Tan Ta.
>
> Sekian, terima kasih.

Yang benar, SYARIKAT KILANG BATUBATA CHIP SIAH SDN BERHAD
Sgd
LIM CHOON TUNG Director

[5] The two letters of discharge were alluded to in the supporting affidavit of the bankrupt and the Official Receiver had submitted his report dated 27 February 1998 verifying that the debt owed to the two creditors had been fully paid up.

[6] The grounds of the appeal are as follows:

(1) The judgment creditor had not been served with the petition for discharge by the bankrupt.

(2) There is fraud in the letter claiming that the bankrupt had fully paid up the debt of Terus Maju Industrial Hardware Sdn Bhd. There is fraud because the bankrupt had added the word 'penuh' in the letter and had misrepresented to the judgment creditor that the bankrupt was terminally ill, thereby causing the judgment creditor to issue the letter of consent to discharge the bankrupt from bankruptcy.

(3) The debt owed to Terus Maju Industrial Hardware Sdn Bhd had never been paid.

(4) The order of discharge made by the Senior Assistant Registrar was irregular as it was made ex parte.

[7] In addition, counsel for the judgment creditor submits the following written submission as follows:

Ini adalah permohonan Rayuan Dalam Kamar Pemiutang Penghakiman (selepas ini dirujuk sebagai 'JC') kepada Yang Arif terhadap keseluruhan keputusan Penolong Kanan Pendaftar iaitu Puan Halilah Binti Suboh yang telah menolak Saman Dalam Kamar JC (Lampiran 33) untuk membatalkan Perintah Pelepasan Penghutang Penghakiman (selepas ini dirujuk sebagal 'JD') yang bertarikh 13 Mac 1998 (Lampiran 22) yang melepaskan JD daripada seorang bankrap. Keputusan Penolong Kanan Pendaftar tersebut yang menolak permohonan JC telah diberikan pada 28 Disember 2006 dan dengan kos.

Kertas-Kertas kausa yang dirujuk oleh kedua-dua pihak:

Bil	Dokumen	Tarikh	Lampiran
1.	Saman Dalam Kamar JC	29-09-2005	33
2.	Afidavit JC yang diikrarkan oleh Ching Ngew Hoe	29-09-2005	32
3.	Afidavit yang diikrarkan oleh JD	16-12-2005	36
4.	Afidavit Jawapan JC yang diikrarkan oleh Ching Ngew Hoe	23-12-2005	38
5.	Afidavit Jawapan Pertama JD	06-01-2006	39

6.	Afidavit Jawapan Kedua JC yang diikrarkan oleh Ching Ngew Hoe	25-01-2006	40
7.	Afidavit Jawapan Kedua JD	17-02-2006	41
8.	Afidavit Tambahan JC yang diikrarkan oleh Ching Ngew Hoe	12-06-2006	43
9.	Afidavit Jawapan Ketiga JD	3-10-2006	46
10.	Afidavit Jawapan Ketiga JC yang diikrarkan oleh Ching Ngew Hoe	16-10-2006	47

LATAR BELAKANG KES

Kes di hadapan Yang Arif ini adalah berkenaan dengan satu Penghakiman yang telah diperolehi oleh JC terhadap Syarikat Pembinaan Emas pada 8 Mac 1990 yang mana JD adalah merupakan salah seorang Penjamin kepada Syarikat Pembinaan Emas tersebut. Memandangkan tiada bayaran yang dibuat oleh Syarikat Pembinaan Emas tersebut, JC telah memulakan tindakan kebankrapan kepada JD dan Perintah Penerimaan dan Perintah Penghukuman tersebut (selepas ini dirujuk sebagai 'Perintah AORO tersebut') telah diperolehi oleh JC terhadap JD pada 2 Julai 1996.

Pada 9 Februari 1998, JD telah menfailkan saman dalam kamar (Lampiran 22) untuk membatalkan perintah AORO tersebut dan pada 13 Mac 1998, perintah Pembatalan AORO terhadap JD telah direkodkan. Ini bermakna, mulai dari tarikh 13 Mac 1998, JD bukanlah lagi merupakan seorang yang bankrap.

Pada 28 Mei 2004, salah seorang lagi penjamin kepada Syarikat Pembinaan Emas iaitu Chong Long telah memfailkan permohonan untuk melepaskan beliau daripada kebankrapan memandangkan beliau mengetahui bahawa JD telah dilepaskan daripada kebankrapan dengan alasan bahawa JD telah membayar penuh hutangnya kepada JC.

Berikutan daripada permohonan Chong Long tersebutlah maka JC telah memfailkan permohonan untuk membatalkan perintah pelepasan JD yang diperolehi pada 13 Mac 1998. Walau bagaimanapun, Penolong Kanan Pendaftar pada ketika itu, iaitu Puan Halilah Binti Suboh telah menolak permohonan JC dengan kos. Oleh itu, rayuan ini telah dibuat oleh JC di hadapan Yang Arif untuk membenarkan rayuan JC supaya Perintah Pelepasan JD dibatalkan dan JD dihukum bankrap semula.

Dengan izin Yang Arif,

Alasan-Alasan Mengapa Perintah Perlepasan Bertarikh 13 Mac 1998 Perlu Dibatalkan Adalah Kerana

(1) *Alasan Pertama*

Terdapat fraud di dalam eks 'B1' yang dirujuk oleh JD melalui saman dalam kamar (Lampiran 22) yang mana

(a) Perkataan 'penuh' telah ditokok tambah kepada surat yang ditandatangani oleh Encik Ching Ngew Hoe, Pengarah Syarikat JC bertarikh 22 Julai 1997 sedangkan salinan asal surat tersebut sebenarnya tidak ada perkataan 'penuh'

(sila Yang Arif rujuk kepada eks 'CNH-1' Afidavit Jawapan JC (Lampiran 38) yang diikrarkan Ching Ngew Hoe pada 23 Disember 2005.

(b) Terdapatnya 'fraudulent misrepresentation' oleh JD sehingga memperdayakan Encik Ching Ngew Hoe, Pengarah Syarikat JC supaya mengeluarkan surat pengakuan bertarikh 22 Julai 1997 yang kononnya hutang Syarikat Pembinaan Emas telah dibayar sedangkan tidak satu sen pun JD ada membuat pembayaran kepada JC bagi hutang Syarikat Pembinaan Emas tersebut.

(2) *Alasan Kedua*

(1) Lampiran 22 yang difailkan oleh JD ketika itu tidak pernah diserahkan kepada JC ataupun peguamcara JC sebelum tarikh pendengarannya pada 13 Mac 1998. Oleh itu, JC tidak pernah diberitahu atau dimaklumkan tentang tarikh perbicaraan pada 13 Mac 1998 dan justeru itu JC tidak hadir pada masa perbicaraan Lampiran 22. Ini dapat dibuktikan sekiranya Yang Arif meneliti rekod minit Mahkamah Yang Mulia ini pada 13 Mac 1998 di mana tidak ada sebarang afidavit penyampaian telah difailkan oleh JD yang menyatakan bahawa Lampiran 22 telah diserahkan kepada JC ataupun peguamcara JC sedangkan Lampiran 22 adalah permohonan secara inter-partes. Oleh itu, jelas sekali mengapa ianya mengambil masa selama lebih kurang tujuh (7) tahun untuk membolehkan JC memfailkan permohonan untuk membatalkan Perintah Pelepasan JD pada 29 September 2005.

(2) JC juga ingin berhujah dan menyatakan bahawa kelewatan selama lebih kurang tujuh tahun tidak akan berlaku sekiranya JC diserahkan dengan Lampiran 22 tersebut. Dan JC akan sekeras-kerasnya membantah permohonan di Lampiran 22 tersebut memandangkan terdapatnya isu fraud terhadap surat yang dikeluarkan oleh JC yang bertarikh 22 Julai 1997 dan juga isu 'fraudulent misrepresentation' oleh JD supaya JC mengeluarkan surat yang bertarikh 22 Julai 1997 dengan harapan supaya JD boleh mendapatkan rawatan di Negara China. JD dikatakan mengidap penyakit yang memerlukannya untuk mendapatkan rawatan di Negara China dan tanpa pasportnya, JD tidak mungkin boleh mendapatkan rawatan di Negara China memandangkan pada masa itu, JD masih lagi merupakan seorang bankrap.

(3) *Alasan Ketiga*

Yang Arif

> Sebenarnya, tidak satu sen pun hutang Syarikat Pembinaan Emas telah dibayar oleh JD kepada JC. Melalui surat JC kepada Pejabat Pegawai Insolvensi bertarikh 10 Mac 2005 (Sila Yang Arif rujuk kepada eks 'CNH-1' Afidavit Jawapan Kedua JC (Lampiran 40) yang diikrarkan Ching Ngew Hoe pada 25 Januari 2006) jelas menerangkan situasi sebenar kepada Mahkamah Yang Mulia ini mengapa surat bertarikh 22 Julai 1997 oleh JC telah silap dikeluarkan. Apa yang mustahak di sini ialah JC telah menarik balik surat tersebut dan memaklumkan kepada Pejabat Pegawai Insolvensi Cawangan Kuala Lumpur dan berikutan daripada penarikan balik surat tersebut, Pejabat Insolvensi telah memfailkan Laporan Tambahan Ketua Pengarah Insolvensi bertarikh 10 Ogos 2005 (*Sila Yang Arif rujuk kepada Laporan Tambahan Ketua Pengarah Insolvensi (Lampiran 25) yang bertarikh 10 Ogos 2005).*

HUJAHAN PENUH

ISU 1: SAMA ADA TERDAPAT FRAUD DAN 'FRAUDULENT MISREPRESENTATION' OLEH JD SEHINGGA JC TERPEDAYA UNTUK MENGELUARKAN SURAT BERTARIKH 22 JULAI 1997?

Dengan izin Yang Arif,

Saya merujuk khusus kepada Afidavit Ching Ngew Hoe di perenggan 4 dan 5 Lampiran 32, bahawa beliau hanya menyedari terdapatnya fraud atau penipuan di atas surat bertarikh 22

Julai 1997 (selepas daripada ini dirujuk sebagai 'surat tersebut') hanya selepas tujuh (7) tahun kemudiannya iaitu selepas rakan kongsi JD yang bernama Chong Long memfailkan permohonan untuk membatalkan Perintah AORO terhadapnya atas alasan bahawa JD telah menyelesaikan penuh hutangnya kepada JC. JC hanya mengetahui bahawa terdapatnya isu fraud di dalam surat yang bertarikh 22 Julai 1997 apabila Chong Long mengekshibitkan surat tersebut di dalam Afidavit beliau untuk menyokong permohonan perlepasan beliau daripada menjadi seorang bankrap.

Setelah menyedari terdapat perkataan 'penuh' telah ditokok tambah ke atas surat tersebut, beliau telah cepat-cepat berhubung dengan pejabat insolvensi dan mengakui terdapat kesilapan besar semasa beliau menandatangani surat tersebut dan telah menarik balik isi kandungan surat tersebut. Untuk rekod Yang Arif, permohonan Chong Long untuk membatalkan perintah AORO telah ditolak oleh mahkamah kerana mahkamah mendapati terdapat unsur fraud ke atas surat tersebut. Walau bagaimanapun, Chong Long memfailkan rayuan terhadap keputusan Penolong Kanan Pendaftar tersebut.

Tambahan pula, tidak satu sen pun hutang JD bagi Syarikat Pembinaan Emas telah dibayar kepada JC. Malah tidak pernah di dalam surat tersebut JC menaip perkataan 'penuh' tetapi surat tersebut telah ditokok tambah oleh JD (dan fakta ini tidak pernah disangkal oleh JD di dalam mana-mana Afidavit Jawapannya).

Malahan, sebagai salah seorang rakan kongsi kepada Syarikat Pembinaan Emas, JD adalah bertanggungan secara bersesama dengan rakan-rakan kongsinya yang lain iaitu Chong Long dan Tan Swee Tian (Sila Yang Arif rujuk kepada exh 'CNH-2' di dalam Afidavit Tambahan JC yang diikrarkan oleh Ching Ngew Hoe pada 12 Jun 2006 iaitu di Lampiran 43) di mana mereka telah bersetuju untuk membayar 1/3 bahagian masing-masing. Oleh itu, jelas bahawa hutang JD terhadap JC memang tidak pernah dibayar oleh JD.

ISU 2: SAMA ADA PERINTAH PEMBATALAN BERTARIKH 13 MAC 1998 YANG MELEPASKAN JD DARIPADA SEORANG BANKRAP PERLU DIKETEPIKAN DAN DIBATALKAN? SAMA ADA MAHKAMAH FUNCTUS OFFICIO SELEPAS MENGELUARKAN PERINTAH PEMBATALAN BERTARIKH 13 MAC 1998?

Dengan izin Yang Arif,

Untuk menjawab isu sama ada mahkamah functus officio atau tidak selepas mengeluarkan perintah pelepasan JD pada 13 Mac 1998, saya berhujah bahawa mahkamah sebenarnya tidak functus officio lebih-lebih lagi apabila Perintah Pelepasan bertarikh 13 Mac 1998 adalah diberikan secara tidak teratur (irregularly obtained). Oleh yang demikian, pihak-pihak yang terjejas dengan perintah tersebut masih boleh mempertikaikan perintah tersebut.

Yang Arif,

Kes di hadapan Yang Arif ini adalah satu situasi di mana mahkamah tidak functus officio kerana perintah pelepasan bertarikh 13 Mac 1998 boleh diketepikan atas alasan 'as debito justitae' iaitu (as a matter of right). Ini dapat dilihat bilamana Lampiran 22 tidak pernah diserahkan kepada JC ataupun peguamcara JC sedangkan permohonan di Lampiran 22 adalah permohonan inter-partes dan bukannya ex parte. Disebabkan kegagalan JD untuk menyerahkan Lampiran 22 kepada JC atau peguamcara JC, maka pada hari perbicaraan Lampiran 22, JC ataupun peguamcara JC tidak hadir di mahkamah. JD telah memperolehi perintah pelepasan tersebut secara ex parte, maka, mahkamah adalah tidak functus officio. Jelas sekali perintah yang diperolehi pada 13 Mac 1998 adalah tidak teratur dan boleh diketepikan. Saya ingin merujuk Yang Arif kepada Aturan 32, Kaedah 6, Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 yang memperuntukkan bahawa 'The court may set aside an order made ex-parte' sepertimana yang terdapat di muka surat 3 di dalam ikatan Otoriti JC.

Oleh yang demikian, doktrin res judicata yang dinyatakan oleh JD adalah tidak terpakai di dalam kes di hadapan Yang Arif ini dan saya juga berhujah bahawa mahkamah tetap mempunyai bidang kuasa untuk membatalkan perintah pelepasan yang diperolehi secara ex parte oleh JD pada 13 Mac 1998 di atas ketidakhadiran JC mahupun peguamcara JC pada tarikh perbicaraan tersebut.

Kes-kes Yang Dirujuk:

(1) *Lee Phet Boon v Hock Thai Finance Corp Bhd* [1994] 2 MLJ 448

(Sila Yang Arif rujuk di ms 6 sepertimana yang diwarnakan di dalam Ikatan Otoriti JC)

(2) *DBS Vickers (Hong Kong) Ltd v Wan Muhammad Hasni bin Wan Sulaiman* [2005] 3 MLJ 59

(sila Yang Arif rujuk di ms 14 sepertimana yang diwarnakan di dalam Ikatan Otoriti JC)

Yang Arif,

Di dalam kes di hadapan Yang Arif ini, JD tidak pernah menafikan wujudnya fraud ke atas surat yang bertarikh 22 Julai 1997. JD juga tidak pernah menyangkal secara khusus alegasi JC berkenaan isu fraud. Disebabkan timbulnya isu fraud di dalam surat tersebut, maka berpandukan kepada kes *DBS Vickers* di atas, mahkamah boleh menyoal semula tentang kesahihan surat tersebut untuk menghalang sebarang ketidakadilan berlaku kepada mana-mana pihak.

ISU 3: SAMA ADA LAMPIRAN 22 YANG DIFAILKAN OLEH JD UNTUK MEMOHON PERINTAH PERLEPASAN TERSEBUT TERATUR? DAN SEKIRANYA TIDAK TERATUR, ADAKAH PERINTAH PERLEPASAN BERTARIKH 13 MAC 1998 PATUT DIBATALKAN?

Dengan izin Yang Arif,

Melalui Afidavit JD yang diikrarkan pada 16 Disember 2005 iaitu Lampiran 35 khususnya di perenggan 6 hingga 10, JD menyatakan bahawa kononnya perintah perlepasan bertarikh 13 Mac 1998 adalah teratur kerana beliau telah mematuhi semua syarat-syarat di bawah Akta Kebankrapan 1967. JD juga telah membangkitkan pemakaian s 91 Akta Keterangan 1950kononnya tiada bukti ekstrinsik dapat diterima untuk mengubah apa-apa dokumen bertulis kecuali terdapat elemen fraud, illegality atau want of consideration.

Adalah menjadi hujahan saya bahawa perintah perlepasan tersebut perlu dibatalkan kerana sebab-sebab berikut:

(1) Lampiran 22 tidak pernah diserahkan kepada JC sedangkan permohonan tersebut sepatutnya adalah inter-partes dan bukan ex parte (sila Yang Arif rujuk kepada Afidavit Jawapan JC yang diikrarkan oleh Ching Ngew Hoe pada 23 Disember 2005 di Lampiran 38) terutama di perenggan 4, 5, 6 & 11 afidavit tersebut yang dengan jelas menyatakan bahawa Lampiran 22 memang tidak pernah diserahkan kepada JC ataupun kepada peguamcara JC. JC hanya mengetahui mengenai perlepasan JD daripada seorang bankrap apabila terdapat prosiding untuk melepaskan Chong Long (yang merupakan salah seorang penjamin kepada Syarikat Pembinaan Emas) daripada kebankrapan melalui Guaman No. D2–29–807–1995 sekitar awal tahun 2005 iaitu selepas tujuh tahun perintah perlepasan JD diperolehi.

(2) JC tidak pernah dimaklumkan akan tarikh pendengaran Lampiran 22 yang telah ditetapkan pada 13 Mac 1998. Malahan, JD juga tidak pernah menafikan bahawa mereka memang tidak menyerahkan sesalinan Lampiran 22 kepada JC. Justeru itu, JC tidak berpeluang untuk mengesan fraud ke atas surat tersebut melainkan setelah Chong

Long memfailkan permohonan untuk pembatalan perintah AORO terhadapnya tujuh tahun kemudian. A

Kes Yang Dirujuk:

Chong Keat Realty Sdn Bhd v Ban Hin Lee Bank Bhd [2003] 3 MLJ 321 (sila Yang Arif rujuk di ms 22 sepertimana yang diwarnakan di dalam Ikatan Otoriti JC). B

Di dalam kes di atas, terdapat kelewatan selama 8 tahun untuk perayu mengenepikan perintah jualan yang telah diperolehi oleh responden pada 5 April 1989. Perayu hanya memfailkan permohonan untuk mengenepikan perintah jualan tersebut pada 19 Mac 1997. Bagaimanapun, Mahkamah Rayuan telah menolak permohonan perayu tersebut. Antara alasan yang dikemukakan oleh mahkamah adalah semasa perintah jualan diberikan, Perintah tersebut dibuat bukan kerana ketidakhadiran Defendan, tetapi dengan kehadiran kedua-dua pihak (inter-partes) di mana Defendan hadir melalui peguamcaranya. Hanya setelah 8 tahun Defendan memfailkan permohonannya untuk mengenepikan Perintah Jualan tersebut. Jelas sekali perbuatan Perayu tersebut adalah suatu penyalahgunaan proses mahkamah. C

Walaubagaimanapun, kes tersebut haruslah dibezakan dengan kes di hadapan Yang Arif kerana semasa perbicaraan Lampiran 22, JC ataupun peguamcara JC tidak pernah diserahkan dengan Lampiran 22 tersebut. Ini menyebabkan JC atau peguamcara JC tidak hadir semasa perbicaraan Lampiran 22 dan ianya merupakan perintah yang diperolehi secara ex parte. Oleh yang demikian, saya berhujah bahawa perintah perlepasan bertarikh 13 Mac 1998 hendaklah dibatalkan dan seterusnya JD dihukum bankrap semula. D

(i) Seterusnya, saya berhujah bahawa JD juga gagal untuk membuktikan melalui bukti exhibit seperti salinan resit-resit yang dikeluarkan oleh JC yang menunjukkan bahawa JD benar-benar telah menyelesaikan penuh wang penghakiman kepada JC. JD tidak boleh bergantung semata-mata kepada surat tersebut sebagai satu-satunya bukti untuk melepaskan JD daripada seorang bankrap. Lebih-Iebih lagi, surat tersebut telah ditarik balik oleh JC melalui surat bertarikh 10 Mac (Sila Yang Arif rujuk kepada eks 'CNH-1' Afidavit Jawapan Kedua JC yang diikrarkan oleh Ching Ngew Hoe pada 25 Januari 2006 di lampiran 40). Tambahan pula, surat tersebut terdapatnya unsur fraud apabila JD menokok tambah perkataan 'penuh' di atas surat tersebut dan memasukkannya sebagai ekshibit kepada saman dalam kamar lampiran 22. (Sila Yang Arif rujuk kepada perenggan 4 Afidavit Jawapan Kedua JC yang diikrarkan oleh Ching Ngew Hoe pada 25 Januari 2006 di lampiran 40). E F G

(ii) Penyataan fakta di atas juga tidak pernah disangkal secara khusus oleh JD melalui mana-mana Afidavitnya. Ini bermakna proviso (a) s 92 Akta Keterangan 1950 adalah terpakai (Sila Yang Arif rujuk di ms 32 & 33 sepertimana yang diwarnakan di dalam Ikatan Otoriti JC) kerana terdapatnya elemen fraud atau deception ke atas surat tersebut bilamana JD telah menokok tambah perkataan 'penuh' di atas surat tersebut dan yang demikian bukti ekstrinsik lain seperti (1) surat penjelasan oleh JC kepada Pejabat Insolvensi bertarikh 10 Mac 2005 dan (2) surat daripada Tetuan N Selvam & Co bertarikh 23 Januari 2006 dapat diterima untuk mengubah atau mengenepikan kandungan surat tersebut. (Sila Yang Arif merujuk kepada perenggan 7, 8 & 9 Afidavit Jawapan JC yang diikrarkan oleh Ching Ngew Hoe pada 23 Disember 2005 di lampiran 38). H

(iii) Yang Arif, sekiranya benar JD telah membayar penuh hutangnya kepada JC, sepatutnya JD mengemukakan bukti lain yang boleh menyokong keterangannya bahawa hutang JC telah dibayar penuh oleh JD atau keterangan yang memang benar beliau ada mengidap penyakit (in terminal ill) sehingga memerlukan beliau ke Negara China untuk mendapatkan rawatan. Malangnya, sehingga kini, JD gagal untuk membuktikan pernyataannya. Malah terdapatnya satu pengakuan daripada rakan-rakan kongsi JD I

yang lain iaitu Chong Long dan Tan Siew Tian yang bersetuju untuk menanggung 1/3 hutang Syarikat Pembinaan Emas. (Sila Yang Arif rujuk kepada perenggan 10 Afidavit Jawapan JC yang diikrarkan oleh Ching Ngew Hoe pada 23 Disember 2005 di Lampiran 38).

ISU 4: SAMA ADA S 30 ATAU S 41 AKTA SPESIFIK RELIF 1950 TERPAKAI DI DALAM KES INI?

Yang Arif,

JD melalui afidavitnya di Lampiran 39 menyatakan bahawa JC perlu terlebih dahulu mendapatkan perintah dari Mahkamah Tinggi untuk Declaratory Order di bawah s 41secara berasingan sebelum memutuskan bahawa surat yang bertarikh 22 Julai 1997 telah silap dikeluarkan oleh JC sebelum memfailkan Lampiran 33 ini.

